

TARIKH: 9/3/2022  
SURAT KHABAR: Sinar Harian  
MUKA SURAT: 17

# Perkeso laksana Ops Cegah 2023

**SHAH ALAM** - Program pencegahan kemalangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) atau Ops Cegah 2023 dilaksanakan di seluruh negara bermula Selasa lalu sehingga 22 Mac ini.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, operasi bertemakan 'Kebersamaan Mengurangi Risiko Kecederaan dan Kematian Pekerja' itu diadakan buat kali kedua selepas 2022.

Menurutnya, tahun ini Ops Cegah 2023 dijalankan secara bersepadu bersama beberapa jabatan dan agensi.

"Antaranya, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH).

"Selain itu, ada juga Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)," katanya sempena Majlis Pelancaran Ops Cegah 2023 di Menara Perkeso, Kuala Lumpur pada Selasa.

Beliau berkata, tujuan utama pelaksanaan Ops Cegah 2023 adalah untuk menyampaikan mesej mengenai



**Mohammed Azman Aziz melekatkan pelekat kenderaan sebagai simbolik acara pelepasan pada Majlis Pelancaran Ops Cegah 2023 di Menara Perkeso, Kuala Lumpur pada Selasa.**

kemalangan pekerjaan yang merupakan tanggungjawab bersama.

Menurutnya, usaha itu perlu dipandang serius oleh semua pihak kerana pekerja adalah aset berharga kepada organisasi dan negara termasuklah keluarga masing-masing.

"Bagi Ops Cegah 2023, kami akan

mengadakan lawatan ke lebih 1,000 premis majikan di seluruh negara untuk sesi pertemuan dengan pengurusan tertinggi syarikat yang merekodkan kemalangan tertinggi.

"Ia berdasarkan senarai Top 100 dan Top 20 pada tahun 2022," katanya.

Mohammed Azman Aziz menjelaskan,

jumlah kemalangan yang dilaporkan kepada Perkeso pada 2022 adalah sebanyak 72,149 kes, berbanding 56,990 kes pada 2021, sekali gus menunjukkan kenaikan sebanyak 26.6 peratus.

"Peningkatan ini mungkin disebabkan lebih banyak sektor ekonomi yang kembali dibuka dan rancak meneruskan aktiviti pada pasca pandemik Covid-19.

"Oleh itu, tindakan bersepadu daripada semua pihak adalah perlu bagi memastikan trend peningkatan ini dapat dikawal, maka Ops Cegah 2023 akan dilaksanakan di seluruh negara selama dua minggu," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, 26 majikan telah terkeluar daripada senarai 100 majikan tertinggi kemalangan Perkeso yang melibatkan kemalangan perjalanan.

"Ia sekali gus mencatatkan penurunan kadar kemalangan antara 12 sehingga 80 peratus.

"Bagi kemalangan industri pula, 32 majikan telah berjaya keluar daripada senarai itu dengan penurunan kadar kemalangan dicatatkan antara enam hingga 80 peratus," katanya.